

UNIT 4

PERKEMBANGAN BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir unit ini, anda diharap dapat:

1. Mengetahui sejarah perkembangan bahasa Melayu dalam persuratan.
2. Mengenal pasti jenis persuratan yang terdapat di Malaysia.
3. Mengetahui dan memahami perkembangan persutan Melayu pada zaman moden.

PENGENALAN


Tahukan anda pada zaman awal kehidupan masyarakat Melayu, mereka belum memiliki kemahiran menulis dan semua perhubungan dilakukan dengan cara lisan.




Adakah anda mengenali tulisan dalam gambar ini?

Berkurun-kurun kemudian, pengalaman masyarakat Melayu semakin bertambah. Para cerdik pandainya cuba memikirkan cara untuk merakamkan bahasa mereka. Pengalaman dan pengetahuan mereka tentang alam cukup luas. Oleh yang demikian, mereka mula menulis dengan meniru cabang, ranting, potongan kayu, dan bentuk sungai. Lama-kelamaan terbentuklah tulisan yang kemudian dinamakan sebagai Tulisan Rencong.

Tulisan atau aksara Rencong ini terdapat di Sumatera Selatan. Aksara ini dicipta oleh orang Melayu berdasarkan benda yang terdapat di alam sekitar mereka seperti ranting kayu, akar, rotan dan sungai. Hal ini dapat dikaitkan pada penciptaan kesusasteraan Melayu yang asal iaitu pantun yang menggunakan pengisi alam sebagai pembayang maksud atau sampiran sebelum menyatakan isi pantunnya.





Aksara Rencong ialah huruf Melayu tua yang lebih tua daripada aksara Jawa Kuno (tulisan Kawi). Aksara Rencong dianggap huruf asli Bahasa Melayu. Aksara Rencong banyak ditulis pada daun dan kulit kayu. Hal ini menyebabkan tulisan ini tidak dapat bertahan lama, bagaimanapun aksara Rencong ini masih dapat dilihat di Perpustakaan *School Of Oriental and African Studies, London* (Darwis Harahap, 1994: 56).

Oleh itu, sebelum ditemui bukti sejarah berupa tulisan pada batu bersurat, bahasa Melayu diandaikan telah digunakan untuk masa yang panjang kerana didapati bahasa yang ada pada batu bersurat selepas itu sudah agak tersusun

pembinaan kata dan pembinaan ayatnya. Selain itu, didapati ia mempunyai pengaruh yang ketara sehingga orang India yang menulis perkataan pada batu bersurat tersebut menggunakan beberapa perkataan Melayu di samping askara Sanskrit.



Bincangkan kelompok yang menggunakan bahasa Sanskrit.

Zaman Persuratan Melayu Kuno

Tahukan anda hingga abad ke-14 bahasa Melayu telah mengalami perubahan dengan tiga bahasa yang besar, iaitu bahasa Sanskrit, bahasa Jawa dan bahasa Arab. Tulisannya yang asal, iaitu huruf Rencong tersisih tetapi kosa katanya bertambah.

Berabad-abad sebelum Masihi, Selat Melaka telah digunakan oleh pedagang Arab sebagai laluan pelayarannya membawa barang perniagaan dari Tiongkok, Sumatera, dan India ke Pelabuhan Yaman. Dari Sumatera hasil yang paling utama mereka beli ialah rempah kerana rempah ini merupakan keperluan yang penting bagi orang Arab di Saba' (Kerajaan Saba' wujud di antara 115-950 SM). Pelabuhan di Sumatera pula mendapat bekalan rempah ini dari Pulau Maluku di samping Aceh yang sudah terkenal hasil rempahnya ke dunia Arab. Pedagang Arab yang dimaksudkan di sini tidak semestinya beragama Islam kerana hubungan di antara Arab dan alam Melayu telah wujud sejak zaman sebelum munculnya Islam. Penggunaan kapur barus untuk mengawetkan mayat (mummi) yang disimpan di dalam piramid pada Zaman Mesir Kuno dikatakan diambil dari Barus (nama tempat) di Pulau Sumatera.


Pengaruh Hindu di kepulauan Melayu mula dibawa oleh pedagang dan pelayar sama ada dalam kalangan orang India atau orang Melayu. Seawal abad pertama, pedagang dari India belayar ke Timur menuju Tiongkok dan pedagang Tiongkok pula belayar ke barat menuju India. Pelayaran dua hala ini menyebabkan mereka sentiasa melalui selat Melaka. Lama-kelamaan pelabuhan yang ada di kepulauan Melayu ini bukan sahaja sebagai tempat persinggahan tetapi menjadi tempat perdagangan pedagang India dan Tiongkok seperti yang telah dirintis lebih awal oleh pedagang Arab. Di samping itu juga para mubaligh terutama mubaligh India turut datang ke Kepulauan Melayu ini untuk menyebarkan agama Hindu. Kedatangan para pedagang dan penyebar agama ini mengakibatkan bahasa Melayu Purba mendapat pengaruh baru. Bahasa Melayu Purba ini kemudian dinamai sebagai bahasa Melayu Kuno.

Pada zaman ini, terdapat dua bahasa utama di kepulauan Melayu, iaitu bahasa Jawa kuno dan bahasa Melayu kuno. Sifat bahasa Melayu yang sederhana dan mudah menerima bahasa Sanskrit telah menyaingi bahasa Jawa yang pada peringkat awalnya menguasai sebahagian besar kepulauan Melayu. Perkataan "Sanskrit" berasal dari perkataan "Samskrtabhasa" yang bermaksud "bahasa yang sempurna". Sifat bahawa Jawa pula begitu kompleks dan bertata tingkat menyebabkan lama-kelamaan bahasa Jawa semakin tersisih.

Sejarah perkembangan bahasa Melayu kuno dipercayai berkembang melalui kerajaan Melayu di Jambi, iaitu kerajaan Sriwijaya. Menurut catatan Cina, kerajaan Melayu pernah mengirim utusan ke China pada tahun 644M. Kerajaan ini berpusat di daerah Palembang di Sumatera. Pada abad ke-7 hingga abad ke-9, kerajaan Sriwijaya dikatakan telah menguasai sebahagian besar kepulauan Melayu menerusi perdagangan dan penaklukan. Pada masa yang sama kerajaan Sriwijaya membantu menyebarkan kebudayaan dan bahasa Melayu ke seluruh kepulauan Melayu. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa perdagangan dan pentadbiran kerajaan Sriwijaya.

Dalam zaman kerajaan Sriwijaya, ditemui bukti penting perihal penggunaan bahasa Melayu kuno. Terdapat empat batu bersurat yang penting di samping beberapa batu bersurat yang lain serta beberapa catatan pengembara dan pedagang Cina berkenaan dengan kerajaan Sriwijaya dan penggunaan bahasa Melayu. Keempat-empat batu bersurat terpenting, antaranya ialah batu bersurat Kedukan Bukit(683), batu bersurat Talang Tuwo(684), batu bersurat kota kapur (686) dan batu bersurat Karang Berahi (686). Manakala di Pulau Jawa, prasasti Melayu yang tertua bertarikh pada awal abad ketujuh masihi, ditemui di Sajamerta, pantai utara Jawa Tengah. Batu bersurat lain yang ditemui di Pulau Jawa ialah di Bukateja, Dang Pu Hawang Galis, Manjusyirgraha, Sang Hyang Wintang, Gunung Sundoro, Kebun Kopi (Jawa Barat) dan lain-lain.

Batu Bersurat Kedukan Bukit - ditemui di Palembang bertarikh 683 M atau 605 Tahun Saka (Zaman saka bermula pada tahun 78M). Ia dijumpai di Kedukan Bukit, iaitu di Kaki Bukit Siguntang, sebelah barat daya Palembang. Batu bersurat ini ditulis dalam tulisan palava, iaitu sejenis tulisan



India Selatan purba bagi penyebaran agama Hindu. Ia diperolehi pada 29 November 1920 daripada sebuah keluarga Melayu yang menetap di Kampung Kedukan Bukit. Menurut Noriah Mohamed (1999:48), penemuan batu ini ada disebut dalam laporan arkeologi *Oudheidkundig Verslag (1920)*. L.C. Westenek yang menjadi Residen Palembang pada ketika itu tidak menyebut tentang penemuan itu, namun ia disebut secara sepintas lalu oleh pengkaji yang sama dalam artikelnya yang bertajuk *Goenoeng Mahameroe uit de Sedjarah Melajoe (1923)*. Krom juga mengkaji dan menghasilkan

kajian tentang batu bersurat dalam bentuk artikel yang bertajuk *Hindoe-javananshe Geschiedenis* pada tahun 1920.

Ismail Hussien (1992:15) menjelaskan, isi kandungan batu bersurat ini menceritakan tentang seorang raja yang berpangkat *dapunta hiyang* telah naik kapal untuk mendapatkan siddhayatra yang diterjemah sebagai kekuatan sihir atau kejayaan. Hari lain pula, kira-kira empat minggu kemudian, dia berangkat dari Minag Tamvan, menggerakkan tentera 20,000 orang, sebahagian menaiki kapal, sebahagian jalan darat dan dengan sukacitanya memberikan siddhayatra menjadi milik Sriwijaya dan menjadikannya makmur. Batu bersurat ini mengandungi sepuluh baris ayat yang diukir di atas batu berbentuk bujur yang bergaris lilit 80 sentimeter pada bahagian paling panjang. Tulisan pada batu

bersurat ini terpelihara baik, kecuali pada bahagian tiga baris terakhir yang tidak dapat dibaca kerana telah trserpilh.

Batu Bersurat Talang Tuwo – batu bersurat ini bertarikh 684M atau 606 tahun saka. Ia ditemui di kawasan Talng Tuwo di Barat Palembang oleh L.C.Westenek, Residen Jambi pada 17 November 1920. Batu bersurat ini merupakan batu pasir yang dipahat di atasnya dengan empat belas baris ayat bahagian yang berukir berukuran 50 sentimeter hingga 80 sentimeter.



Batu Bersurat Kota Kapur - pada Batu Bersurat Kota Kapur perkataan/bahasa Melayu telah lebih banyak ditemui dan unsur bahasa Sanskrit semakin berkurang. Beberapa perkataan bahasa Melayu Kuno sebahagian telah memperlihatkan irasnya dan sebahagian lagi kekal digunakan hingga kini, seperti: *abai, aku, batu, banyak, benua, beri, buat, bulan, bunuh, datu, dengan, di dalam, dosanya, durhaka, gelar, hamba, jahat, jangan, kait, kasihan, kedatuan, keliwat, kita, lawan, maka, mati, merdeka, mula, orang, pahat, persumpahan, pulang, roga, sakit, suruh, tapik, tambal, tatkalanya, tetapi, tida, tuba, ujar, ulang, ulu, dan yang*. Imbuhan awalan ialah: *ni-, di-, mar-, par-, ka-*. Imbuhan akhiran pula ialah: *-i* dan *-an*.

Manakala *Batu Bersurat Karang Brahi* – tulisan yang terdapat pada batu bersurat ini merupakan salah satu batu bersurat terpenting, namun tidak banyak maklumat yang diketahui dengan pasti tentang bahasa Melayu Kuno pada batu bersurat ini.

Di samping batu bersurat yang telah dinyatakan di atas sebenarnya ada lagi batu bersurat yang agak penting diketahui, iaitu Batu Bersurat Pagar Ruyung (1356 M) di Sumatera Barat. Pada batu bersurat ini tertulis beberapa sajak Sanskrit dengan sedikit prosa Melayu Kuno dengan menggunakan huruf India dan satu lagi di Aceh yang dinamai Batu Nisan Minye Tujuh. Batu nisan ini bertarikh 1380 M dan ditulis dengan tulisan India, menggunakan bahasa Melayu, Sanskrit, dan Arab.

Batu bersurat Pagar ruyung, Minangkabau (1356M) merupakan Batu bersurat pertama yang menunjukkan perkembangan bahasa Melayu dengan pengaruh Islam. Batu bersurat ini ditemui di Pagar Ruyung. Walaupun begitu batu ini masih ditulis dengan huruf India dan mengandungi prosa Melayu kuno serta beberapa baris sajak Sanskrit. Bahasa yang terdapat pada batu bersurat ini menunjukkan perbezaan kata-kata yang digunakan jika dibandingkan dengan batu bersurat zaman kuno. Misalnya: Kata "tida" (tidak) berubah menjadi "tyda", Awalan "mar" dan "ni" berubah menjadi "ber" dan "di", juga Kata "marbuat" dan "niparbuat" berubah menjadi "berbuat" dan "diperbuat". Batu bersurat ini juga menjadi bukti bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa rasmi dalam zaman kerajaan Sriwijaya.

Manakala Batu nisan Minye Tujuh, Aceh ini ditulis dalam huruf India tetapi bahasa yang digunakan telah banyak menunjukkan perubahan. Mengandungi dua rangkap syair bahasa Melayu kuno bercampur Sanskrit dan Arab ditulis dengan huruf Kawi atau Jawa kuno. Pertama kalinya kata-kata Arab tercatat pada batu bersurat ini. Makam ini kepunyaan Ratu Al-Alah, puteri Sultan Malik al-Zahir Thani. Puteri ini mangkat pada 1380 TM. Sultan Malik al-Zahir Thani (1326-1350) ialah pemerintah negeri Islam Samudera-Pasai atau Aceh sekarang ini.




Batu Nisan di Minye Tujuh Aceh bertarikh 14 Zulhijjah 781 H (23 Mac 1380 M)

Terdapat catatan pada batu nisan Minye Tujuh ini iaitu:

Hijrat nabi mungstapa yang prasida tujuh ratus asta puluh sawarsa haji catur dan dasa wara sukra raja iman warda (?) rahmat-Allah gutra tasih tanah samuha ilahi ya rabbi tuhan samuha taruh dalam swarga tuhan tatuha iaitu maksudnya Setelah hijrah Nabi, kekasih yang telah wafat tujuh ratus lapan puluh satu tahun bulan Zulhijah empat belas hari, Jumaat Ratu Iman warda (rahmat Allah bagi baginda) dari suku Barubasa, mempunyai hak atas Kedah dan Pasai menaruk di laut dan darat semesta Ya Allah, ya Tuhan semesta taruhlah Baginda dalam swarga Tuhan.

Batu nisan Malik al-Saleh (1297M) Merupakan batu nisan yang pertama dijumpai dan diperbuat daripada batu Acheh. Inskripsi ini masih tertulis dalam bahasa Arab iaitu mengandungi petikan ayat al-Quran surah al-Hasyar ayat 22 hingga 24 pada nisan kaki. Manakala pada nisan kepala tertulis satu puisi Sufi Arab. Di bahagian lain pula terdapat satu bentuk prosa yang bersajak. Malah tertulis juga nama pemilik makam, iaitu Sultan Malik al-Saleh, iaitu Sultan Pasai yang pertama memeluk agama Islam, meninggal dunia pada bulan Ramadan pada tahun 696H.

Manakala Batu bersurat Kuala Berang, Terengganu (1303-1397M), menurut Fatimi dan S.M.N. al-Atlas dalam Hashim Haji Musa (1999:8), Batu Bersurat Terengganu merupakan bukti terawal penggunaan skrip Arab



Terjemahan inskripsi Batu Bersurat Terengganu ini iaitu

Rasul Allah dengan yang orang bagi mereka ada pada Dewata Mulia Raya beri hamba meneguhkan agama Islam, dengan benar bicara darma meraksa bagi sekalian hamba Dewata Mulia Raya, di benuaku ini penentu agama Rasul Allah salla'llahu 'alaihi wa sallama Raja mandalika yang benar bicara sebelah Dewata Mulia Raya di dalam bhumi. Penentua itu fardlu pada sekalian Raja manda- lika Islam menurut setitah Dewata Mulia Raya dengan benar bicara berbajiki benua penentua itu maka titah Seri Paduka.Tuhan mendudukkan tamra ini di benua Terengganu adipertama ada, Jum'at di bulan Rejab di tahun sarathan di sasanakala, Baginda Rasul Allah

untuk mengeja teks berbahasa Melayu. Batu ini ditemui oleh seorang saudagar berketurunan Arab yang bernama Sayid Husin bin Ghulam al-Bokhari di sunagi Teresat, Kuala Berang, Terengganu. Berdasarkan maklumat penduduk setempat, inskripsi ini sudah lama terletak di depan sebuah surau atau langgar yang dipakai sebagai tumpuan kaki untuk mengambil wuduk. Inskripsi ini menceritakan undang-undang seorang raja.

Daripada penemuan Batu bersurat yang diperkatakan di atas merupakan catatan terakhir perkembangan bahasa Melayu di atas batu kerana selepas abad ke-14, muncul zaman kesusasteraan Melayu yang telah memperkenalkan sistem tulisan dan alat percetakan terutamanya pada abad ke-19. Pada abad ke-15 6 sebuah kerajaan Melayu Melaka yang gagah dan berpengaruh

telah menjadikan bahasa Melayu semakin penting sebagai *lingua franca* dan alat dalam perkembangan kesusasteraan Melayu.



Bahasa Melayu kuno berjaya menjadi lingua franca, bincangkan.

Zaman Persuratan Melayu Klasik

Perkembangan Bahasa Melayu Klasik dapat dilihat jelas dalam persuratan. Hal ini dapat dibuktikan dengan adanya berbagai-bagai jenis contoh persuratan yang menggunakan bahasa Melayu Klasik. Sebagai contoh, hikayat, surat, syair, hukum kanun dan kitab.

Jenis karya hikayat terbahagi kepada tiga jenis utama, iaitu hikayat berunsur Hindu, hikayat berunsur Hindu-Islam dan hikayat berunsurkan Islam.

Contoh-contoh hikayat dari unsur Hindu ialah Hikayat Seri Rama (Ramayana) dan Hikayat Pandawa Jaewa (Majabharata). Hikayat Hindu-Islam ialah Hikayat Gul Bakawali, Hikayat Nakhoda Muda, Hikayat Berma Syahban. Manakala hikayat pengaruh Islam ialah Hikayat Hassan Damsyik dan Hikayat Salih dan Saliha. Bagi hikayat berbingkai seperti Hikayat Bayan Budiman

Kesempatan orang Melayu belajar agama di negara Arab dan apabila mereka kembali ke tanah air, mereka banyak menterjemahkan buku agama ke dalam bahasa Melayu dalam usaha menyebarkan kefahaman dan pengetahuan agama Islam. Mereka juga menyedari bahawa kesusasteraan merupakan cara yang mudah untuk menyampaikan fahaman keagamaan kepada masyarakat. Oleh yang demikian, ada di antara mereka yang giat menulis hikayat. Dari sini lahirlah cerita Hikayat Nabi Muhammad, Hikayat Nabi Bercukur, Hikayat Nabi Muhammad mengajar anaknya Fatimah, Hikayat Nabi Yusuf, Hikayat Nabi Ibrahim, Hikayat Nabi Daud, dan hikayat nabi yang lain.

Hikayat Nur Muhammad dan Hikayat Amir Hamzah

Dengan sempurnanya huruf abjad Jawi maka ulama Islam sama ada yang berasal dari negara Arab mahupun ulama Islam tempatan yang telah mendalami pengetahuan agama Islam mulai menulis risalah terutama berkenaan dengan "... huraian kalimah shahadat, rukun Islam yang lima perkara, rukun Iman yang enam perkara, sifat dua puluh, demikian juga segala yang wajib diketahui oleh orang-orang Islam".

Orang Melayu pun semakin ramai belajar agama di negara Arab. Apabila mereka kembali ke tanahair banyaklah buku agama diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Mereka juga menyedari bahawa kesusasteraan merupakan cara yang mudah untuk menyampaikan fahaman keagamaan kepada masyarakat. Oleh yang demikian, ada di antara mereka yang giat menulis hikayat. Dari sini

lahirlah cerita Hikayat Nabi Muhammad, Hikayat nabi bercukur, Hikayat Nabi Muhammad mengajar anaknya Fatimah, Hikayat Nabi Yusuf, Hikayat Nabi Ibrahim, Hikayat Nabi Daud, dan hikayat nabi yang lain. Perhatikan bahasa yang terdapat dalam petikan Hikayat Nur Muhammad dan nabi bercukur dan nabi wafat adanya, seperti yang berikut ini:

Wabihi nasta'inu billahi ta'ala. Ini hikayat peri menyatakan Nur Muhammad Rasulullah sollollohu 'alaihi wasallam. Bermula maka tatkala itu semata-mata 'alam pun belum jadi, arasy dan kursi pun belum jadi, langit dan bumi pun belum jadi, darat dan laut pun belum jadi, langit dan bumi pun belum jadi, tersebut Luh pun belum tersurat dan seperti Nabi sollollohu 'alaihi wasallam kepada Nabi Adam 'alaihissalam, yakni Adam antara tanah dan seperti sabda Nabi sollollohu 'alaihi wasallam 'awwalu ma kholaqollohu ta'ala nuri'. Ertinya, pertama-tama dijadikan Allah ta'ala itu cahayaku ini maka ia pun sujud dengan firman Allah menyuruh sujud. Demikianlah firman Allah sujudlah engkau lima puluh tahun lamanya. Telah sudah ia sujud maka firman Allah 'Hai kekasihku Nur Muhammad' maka bangkitlah ia Nur Muhammad itu.

Bahasa yang terdapat dalam petikan di atas terlihat susunannya tidak teratur dan berlaku beberapa kali perulangan perkataan. Keadaan ini dapat difahami kerana karya ini merupakan awal penulisan daripada cerita yang biasanya disampaikan secara lisan. Demikian juga kesusasteraan Parsi; mereka terjemahkan ke dalam bahasa Melayu, seperti: Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Muhammad 'Ali Hanafiah. Perhatikan bahasa yang terdapat dalam kutipan Hikayat Amir Hamzah ini: "Ada pula di antara pujangga yang sudah begitu mesra dengan kesusasteraan Hindu menulis cerita tersebut dalam tulisan Jawi. Namun, penulisan mereka ini telah dijalin dengan nama Arab atau campuran Hindu-Arab termasuk gelaran rajanya, seperti: Candra Nur Lela, Malik Indra, dan Maharaja Bikrama Indra Dewa mempunyai gelaran lain, iaitu Paduka Seri Sultan Putera Jaya Pati Sifat Alau'ddin Shah." Perkataan lain yang kini sudah sebatikan dengan bahasa Melayu di antara lain: saya, suara, neraka, syurga, puasa, cuka, muka, masa, pahala, utara, bahaya, kepala, putera, puteri, negeri, bahasa, bumi, cahaya, agama, sayembara, raja, raya, manusia, dewa, rahasia, raksasa, rasa, ragam, biaya, restu, sentosa, anggota, dan saudara. Kebanyakan karya kesusasteraan pada zaman ini tidak diketahui penulisnya sama ada kesusasteraan tersebut bercorak Hindu ataupun bercorak Islam. Hal ini berlaku kerana cerita tersebut berasal daripada cerita lisan atau cerita yang disadur beberapa kali daripada cerita asalnya. Lagi pula pada masa itu, karya kesusasteraan dianggap milik bersama. Sebarang penonjolan nama perseorangan dianggap bongkak, sombong, dan dituduh melanggar adat resam orang Melayu.

Hikayat Amir Hamzah menceritakan perihal kegagahan dan keperwiraan seorang pejuang Islam, iaitu Amir Hamzah, pada zaman sebelum dan awal kebangkitan Islam. Hikayat Amir Hamzah merupakan salah satu dari kisah hikayat yang disebut dalam Sejarah Melayu, semasa pertahanan Melaka dari serangan Portugis, hikayat ini dikatakan telah dibacakan bagi menaikkan semangat pahlawan Melayu. Oleh itu ia jelas menunjukkan kehadirannya sebelum 1511 lagi. Dalam versi bercetak edisi 1987 terdapat 245,273 perkataan di dalamnya. Hikayat Amir Hamzah merupakan salah satu dari kisah hikayat yang disebut dalam Sejarah Melayu, semasa pertahanan Melaka dari serangan Portugis, hikayat ini dikatakan telah diberikan oleh Sultan Melaka untuk dibacakan bagi menaikkan semangat pahlawan Melayu. Oleh itu ia jelas menunjukkan kehadirannya sebelum 1511 lagi. Dalam versi bercetak edisi 1987 terdapat 245,273 perkataan di dalamnya.

Kisah pada malam sesudah Feringgi melancarkan serangannya yang pertama ke atas Melaka, seperti gambarannya: *Maka Sultan Ahmad pun menghimpunkan orang, dan suruh berhadir senjata. Maka hari pun malamlah, maka segala hulubalang dan segala anak tuan-tuan semuanya bertunggu dibalai rong. Maka kata segala anak tuan-tuan itu, Apa kita buat bertunggu dibalai rong diam-diam sahaja? Baik kita membaca hikayat perang, supaya kita beroleh faedah daripadanya. Maka kata Tun Muhammad Onta, benar kata tuan-tuan itu, baiklah Tun Indera Sagara pergi memohonkan Hikayat Muhammad Hanafiah, sembahkan mudah-mudahan dapat patik-patik itu mengambil faedah daripadanya. Kerana Feringgi akan melanggar esok hari. Maka Tun Indera Sagara pun masuk mengadap Sultan Ahmad. Maka segala sembah orang itu semuanya dipersembhkannya kebawah duli Sultan Ahmad. Maka oleh Sultan Ahmad dianugerahi Hikayat Amir Hamzah, maka titah Sultan Ahmad pada Tun Indera Sagara, katakan kepada segala anak tuan-tuan itu, hendak pun kita anugerahkan Hikayat Muhammad Hanafiah, takut tiada akan ada berani segala tuan-tuan itu seperti Muhammad Amir Hamzah pun padahal maka kita beri Hikayat Hamzah. Maka Tun Indera Sagara pun keluarlah membawa Hikayat Hamzah, maka segala titah Sultan Ahmad itu semuanya disampaikan pada segala anak tuan-tuan itu, maka semuanya diam, tiada menyahut. Maka kata Tun Isap pada Tun Indera Sagara, persembahkan ke bawah duli yang dipertuan, seperti Muhammad Hanafiah, patik-patik itu adalah seperti hulubalang berani. Maka oleh Tun Indera Sagara segala kata Tun Isap itu semuanya dipersembhkannya kepada Sultan Ahmad, maka baginda pun tersenyum maka titah Sultan Ahmad, benar katanya itu. Maka dianugerahi pula Hikayat Muhammad Hanafiah.*

Menurut pendapat orang-orang yang ahli dalam lapangan kesusasteraan bahawa Hikayat Amir Hamzah ialah salinan daripada bahasa Parsi sungguh pun dalam bahasa 'Arab ada juga hikayat yang demikian. Hikayat Amir Hamzah adalah merupai sebuah buku yang tebal mengandungi 90 bab; didalamnya meriwayatkan kisah keberanian dan kegagahan Sayyidina Hamzah mengepalai tentera Islam dalam peperangan menentang tentera-tentera kafir.

Seperti yang tersebut di-dalam riwayatnya bahawa Amir Hamzah ialah bapa saudara kepada Nabi Muhammad s.a.w. iaitu putera kepada Abdul Mutalib. Amir Hamzah di-katakan mulai menerima agama Islam sesudah dua tahun Rasulullah menerima walinya yang pertama dan telah bersama-sama mengikut Nabi Muhammad berhijrah (berpindah) ka-Madinah.

Amir Hamzah adalah terkenal sebagai pahlawan Islam yang terbilang; keberanian dan jasanya dimedan-medan perang terutama sekali dalam peperangan Badar amatlah besar ertinya disisi sejarah perkembangan agama Islam. Sayyidina Hamzah telah tewas tatkala melawan orang-orang kafir Makkah yang banyak bilangan-nya dikaki bukit Uhud, dekat Madinah. Maka kerana itu-lah riwayat Amir Hamzah sentiasa di-kenang oleh umat Islam; dan di-dalam hikayat-nya banyak pula di-adakan tokoh tambah oleh pengarang-nya. Hikayat Amir Hamzah ini sa-lain daripada dalam Bahasa Melayu ada juga salinan-salinan-nya dalam bahasa Jawa, Sunda dan Bugis. Dalam bahasa Jawa hikayat ini terkenal dengan nama "Menak".

Hikayat Raja Pasai

Hasil kesusasteraan Melayu yang dianggap terawal ditulis oleh orang Melayu, mengisahkan masyarakat Melayu dan menggunakan bahasa Melayu (tulisan Jawi) ialah Hikayat Raja Pasai. Tidak dapat dipastikan tarikh awal hikayat ini ditulis kerana pada masa itu tradisi menceritakan semula cerita orang lain (seperti yang dilakukan pada cerita lisan) berlaku dan dianggap sebagai sesuatu yang wajar. Perhatikan bahagian awal petikan Hikayat Raja Pasai yang berikut ini:

Alkisah peri mengatakan cerita raja yang pertama masuk agama Islam ini Pasai; maka adalah diceriterakan oleh orang yang empunya cerita ini, negeri yang di bawah angin ini, Pasailah yang pertama membawa iman akan Allah dan akan Rasulullah. Maka ada raja dua bersaudara seorang namanya Raja Ahmad dan seorang namanya Raja Muhammad. Adapun yang tua Raja Ahmad. Maka baginda kedua bersaudara itu hendak berbuat negeri di Samarlanga.

Hikayat Raja-Raja Pasai tergolong dalam genre sastera sejarah juga disebut sekarang sebagai karya agong. Karya sastera sejarah biasanya menceritakan pembukaan negeri, corak organisasi pentadbiran, keadaan sosial budaya dan corak politiknya. Cerita ini termasuklah kewujudan sesebuah negeri, perkembangannya, zaman keemasan, zaman kekalahan dan keruntuhan. Hikayat Raja-Raja Pasai bukanlah sebuah buku teks sejarah yang murni. Sebaliknya telah dibumbui dengan unsur-unsur sejarah. Unsur mitos dan legenda diterapkan dalam bahan sejarah yang memerlukan interpretasi yang mendalam untuk mengetahui objektif dan tujuan pengarang istana ini.

R.O. Winstedt menjangka Hikayat Raja Pasai selesai ditulis pada abad ke-15, Amin Sweeney berpendapat abad ke-14, dan A.H. Hill mengatakan di antara tahun 1383 M hingga 1390 M manakala Hooykaas mendakwa bahawa Hikayat ini seawal-awalnya dikarang sekitar tahun 1350 M. Pada bahagian akhir Hikayat Raja Pasai yang diusahakan oleh R. Jones (1987) tercatat: *Tamat Hikayat Raja Pasai. Selamat sempurna yang membaca dia dan segala yang menengarkan dia, istimewa yang menyuratkan dia, dipeliharakan Allah subhanahu wataala apalah kiranya dari dunia datang ke akhirat, berkat syafaat Nabi Muhammad mustafa, sallallahu alaihi wasaalam. Di samping itu tarikh yang tercatat pada bahagian akhir Hikayat Raja Pasai seperti "Tamat hari Isnin, kepada hari dua puluh sa, kepada bulan Muharam, sanat za Hijratul Nabi 1230 dan Sangking Kyai Suradimanggala, bupati sapu (pu) nagari Demak nagari Bagor, warsa 1742"* ini bukanlah bermakna penulisan pertama cerita tersebut, melainkan merupakan salinan daripada beberapa salinan cerita yang terdahulu. Penyalinan ini juga memperlihatkan bahawa ketika itu kesusasteraan Melayu tersebar luas di seluruh Nusantara.

Hikayat Raja-Raja Pasai merupakan hasil sastera sejarah yang tertua yang dipercayai disusun pada abad ke-15 iaitu semasa pemerintahan Malikul Saleh hingga Pasai ditakluki oleh Majapahit. Ia dapat dibahagikan kepada 3 mengikut peralihan cerita. Pertama, mengenai pembukaan Negeri Samudera-Pasai dan kisah pengislamannya. Kisahnya mengaitkan keturunan raja-raja Pasai yang bernama Raja Ahmad dan Raja Muhammad. Ketika berburu, Raja Ahmad menjumpai budak perempuan daripada buluh betung. Mereka berkahwin dan mendapat seorang puteri bernama Puteri Betong. Puteri Betong puladikahwinkan dengan Merah Gajah dan mendapat 2 orang putera iaitu Merah Silu dan Merah Hanum. Setelah dewasa, Merah Silu telah membuka Pasai Samudera sempena seekor semut besar. Kisah pengislaman Pasai pula dikaitkan dengan Merah Silu yang bermimpi bertemu dengan Rasulullah s.a.w dan menukar nama kepada Sultan Malikul Saleh. Manakala bahagian kedua menceritakan kisah mengenai kisah mengenai Tun Brahim Bapayang merupakan tokoh yg menjadi kebanggaan Kerajaan Pasai. Kegagahan Tun Brahim Bapa (anak Sultan Ahmad) digambarkan seperti Hang Tuah. Beliau juga amat dikenali rakyat kerana prihatin akan kehidupan rakyat. Bahagian akhir cerita pula mengenai kisah penaklukan Pasai oleh Majapahit. Puncaknya bermula akibat daripada sifat dengki pembesar Pasai kepada Tun Brahim Bapa. Mereka menfitnah Tun Brahim Bapa kononnya ia telah menceroboh gundik kesayangan raja lalu dijatuhkan hukuman dgn meminum racun. Setelah kematian Tun Brahim,

kekuasaan Pasai menjadi lemah dan mudah ditakluki Majapahit. Akhirnya, Pasai dapat dikalahkan oleh Raja Aceh, iaitu Sultan Iskanar Muda Mahkota Alam.

Dalam hikayat ini ada terselit unsur metos iaitu Raja Muhamad mendapat Puteri Betung daripada perdu rebung buluh. Raja Ahmad bernegeri di Balik Rimba . Dia pergi memburu dan berjumpa dengan seorang tua di dalam sebuah surau . Daripada nasihat orang tua di surau itu, Raja Ahmad mendapat anak lelaki yang dibela oleh seekor gajah. Anak itu dinamakan Merah Gajah . Akhirnya Merah Gajah dikahwinkan dengan Puteri Betung. Merah Gajah dan Puteri Betung mendapat anak lelaki iaitu Merah Silau dan Merah Hasun. Merah Gajah mencabut rambut emas Puteri Betung lalu keluar darah pelik berwarna putih. Puteri Betung akhirnya hilang. Raja Muhamad marah lalu membunuh Merah Gajah . Maka Raja Ahmad melanggar negeri Raja Muhamad dan peperangan terjadi. Kedua-dua raja adik beradik ini terbunuh dalam peperangan.

Merah Silau dan Merah Hasun tinggal di Biruan. Merah Silau menahan bubu dan mendapat cacing gelang-gelang yang bertukar menjadi emas dan perak. Merah Silau berkuasa menginjakkan kerbau liar di kawasan tersebut. Merah Hasun marah kerana menyangka abangnya makan cacing gelang-gelang dan bermain dengan kerbau, satu perbuatan yang memalukan maruah raja. Baginda menghalau Merah Silau dari tempatnya. Merah Silau dengan pengikutnya berpindah ke Sungai Pasangan dan ke Hulu Kalang. Di sana dia bertemu dengan Megat Iskandar dan merestui dia tinggal di Buluh Telang. Malangnya Merah Silau suka sangat bersabung ayam. Megat Sekandar dan Megat Kedah ialah kekanda kepada Sultan Malikul Nasir di Rimba Jerana. Megat Sekandar hendak mengangkat Merah Silau menjadi raja tetapi dibantah oleh Tun Harid Benung. Apabila Merah Silau menjadi raja, Sultan Malikul Nasir menyerangnya dan berlaku peperangan yang panjang. Akhirnya sultan Malikul Nasir melarikan diri ke Kumat. Tetapi di Kumat, Sultan Malikul Nasir diserang oleh Megat Sekandar dan Sultan Malikul Nasir tewas. Hulubalangnya bernama Tun Harid Benung lari ke negeri Barus tetapi ditangkap oleh Raja Barus. Merah Silau menjadi raja di Rimba Jerana.

Di samping itu ada juga dikaitkan dgn legenda mengenai kedatangan Islam yg dihubungkan dgn Nabi Muhammad. Merah Silu mendapat mimpi sehingga dpt mengucap dua kalimah syahadat & dapat membaca Al-Quran. Setelah memeluk Islam, ia berkahwin dgn Puteri Ganggang dari Perlak & mendapat putera bernama Malikul Tahir. Di samping itu, Hikayat Raja-Raja Pasai mengandungi unsur metos & sejarah seperti yg terdapat dlm ciri sastera sejarah. Kegagahan Tun Brahim diselitkan di samping memasukkan bentuk puisi. Akan tetapi penggunaan bahasa kurang menarik & menyukarkan pembaca. Ayatnya juga tidak sempurna di samping terselit bahasa Melayu kuno. Namun begitu, ia merupakan sastera sejarah yang bermutu.



Bincangkan unsur-unsur mitos dan lagenda yang terdapat dalam Hikayat Raja-raja Pasai

Hukum Kanun

Hukum Kanun atau biasa juga disebut Undang-undang Melaka pada mulanya merupakan peraturan yang tidak bertulis. Peraturan itu diadakan untuk melindungi kerajaan, rakyat, dan negeri Melaka. Walaupun Hukum Kanun ini sudah dijalankan pada masa pemerintahan Sultan Mudzaffar Shah

(1446-1456 M) namun ia baru ditulis dan disusun secara teratur setelah pemerintahan Sultan Mahmud Shah (1489-1511 M). Itulah sebabnya Hukum Kanun ini dianggap ada setelah tahun 1489 M. Perhatikan bahasa yang digunakan dalam petikan Hukum Kanun atau Undang-undang Melaka ini:

Lima perkara, yang tiada beroleh kita menurut kata itu, melainkan raja yang kerajaan juga. Pertama-tama 'titah', kedua 'berparik', ketiga 'murka', keempat 'karunia', kelima 'anugerah'. Maka segala kata ini tiada dapat kita mengatakan dia. Dan jikalau orang keluaran berkata demikian itu, digocoh hukumnya.

Hukum Kanun Melaka merupakan hukum Islam pertama yang telah diperkenalkan oleh Sultan Muhammad Shah untuk digunakan di negeri Melaka. Ia adalah karya penting yang memaparkan sejarah undang-undang di Melaka yang menjadi amalan masyarakat Melayu pada zaman pemerintahan baginda. Penekanan diberikan dari segi hukum-hakam dan perundangan berhubung undang-undang perkahwinan, jual beli dan prosedur-prosedur berkaitan perkara ini juga dimuatkan bagi memperlihatkan Hukum Kanun Melaka ini adalah undang-undang Islam. Judul asal naskhah ini ialah Risalah Hukum Kanun iaitu Undang-undang. Selain merupakan karya yang tertua dan pertama dalam genrenya, kepentingan Hukum Kanun Melaka terletak pada kedudukannya yang menjadi dasar utama kepada kewujudan karya undang-undang negeri lain kemudiannya

Hikayat Bayan Budiman

Hikayat Bayan Budiman merupakan satu hikayat yang telah mengalami perjalanan yang panjang baru sampai ke bahasa Melayu, iaitu pada tahun 1600 M. Cerita ini pada mulanya merupakan sebuah hikayat tua Hindu yang bernama Sukasaptati (Cerita-Cerita Bayan). Cerita ini disalin dengan beberapa pengubahsuaian ke bahasa Parsi dengan nama yang baru, iaitu Tuti Nameh oleh Nakhshabi. Terjemahannya yang lain terdapat juga dalam bahasa Turki dan bahasa Hindustan.

Sukasaptati ini masuk ke alam Melayu mula-mula merupakan terjemahan dalam bahasa Jawa, Bugis, dan Makasar. Terjemahannya dalam bahasa Melayu merupakan salinan daripada riwayat terdahulu. Diduga terjemahan hikayat ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu pada zaman Kerajaan Melayu Melaka. Namun, naskhah yang dianggap lengkap barulah ditemui bertarikh 1600 M. Salinan hikayat ini dalam bahasa Melayu ialah: Hikayat Bayan Budiman, Hikayat Khoja Maimun, Hikayat Khoja Mubarrak, dan Cerita Taifah dalam tulisan Jawi. Perhatikan petikan Hikayat Bayan Budiman seperti yang berikut ini:

Adalah seorang saudagar di negeri Istambul; maka ia pergi belayar. Hatta, beberapa lamanya sudah ia pergi itu, maka peninggalnya isteri saudagar itu pun bermukahkah dengan kalendar. Sebermula, adapun akan saudagar itu ada ia menaruh seekor burung bayan. Kemudian tiada berapa lamanya, maka saudagar itu pun datanglah dari belayar itu, tetapi diketahuinya juga oleh saudagar itu dengan pengetahuannya sendiri akan pekerjaan isterinya itu. Maka tiadalah baik rasa hatinya saudagar itu akan isterinya, pada sehari-hari ia berbantah juga.

Jika kita perhatikan penggunaan perkataan dalam petikan ini sebahagian besar daripadanya tidak berubah hingga sekarang, kecuali perkataan peninggalnya yang seharusnya sepeninggalnya. Bagaimanapun, struktur ayatnya jelas menunjukkan pengaruh struktur bahasa Arab/Sanskrit. Perhatikan beberapa contoh seperti yang berikut ini:

- (a) sudah ia pergi itu
- (b) ada pun akan saudagar itu

- (c) akan pekerjaan isterinya itu
- (d) tiadalah baik rasa hatinya saudagar itu akan isterinya
- (e) pada sehari-hari ia berbantah juga

Surat Raja Aceh Kepada Harry Middleton

Jika Kerajaan Melaka telah menulis Hukum Kanun (Undang-undang Melaka) untuk melindungi kerajaan dan rakyatnya maka Kerajaan Aceh pula memberi perlindungan kepada pedagang yang ingin berniaga di bawah kekuasaan Kerajaan Aceh. Ketika itu Harry Middleton ialah seorang Ketua Kapal Susan yang ingin membeli rempah. Kapal yang diketuai oleh Harry Middleton itu dianggarkan tiba di Aceh yang juga singgah di Pariaman, Sumatera Barat pada tahun 1601 M dan kembali ke England pada 21 Jun 1603. Dengan demikian, Surat Raja Aceh (Sultan Alauddin Shah) kepada Harry Middleton diperkirakan ditulis pada tahun 1601 M semasa kapal tersebut berlabuh di Pelabuhan Aceh. Perhatikan petikan surat tersebut setelah ditransliterasikan daripada huruf Jawi ke huruf Rumi.

Dengan anugerah Tuhan sarwa'alam sekalian, sabda yang maha mulia datang kepada segala panglima negeri dan pertuha segala negeri yang ta'aluk ke Aceh. Ada pun barang tahu kamu sekalian, bahawa kapal orang Inglitir ini, kapitannya bernama Harry Middleton, asalnya kapal ini berlabuh di labuhan negeri Aceh; beberapa lamanya ia di sana, maka mohon dirinya ia berlayar ke Jawa. Jika ia memeli lada atau barang sesuatu, diberinya akan kamu dirham atau barang sesuatu. Yang orang Inglitir ini suhbat kita Raja Inglitir, maka kapitannya dan segala saudagarnya itu hamba pada Raja Inglitir. Yang hamba Raja Inglitir itu serasa orang kitalah; jika ia meli berjual dengan kamu yang dalam teluk rantau Aceh itu, dengan sebenar-benarnya jua. Maka surat simi yang kita karuniai akan dia ini, dengan dipohonkannya daripada kita, supaya ia jangan dicabuli segala orang teluk rantau kita. Maka jika ditunjukkannya kepada kamu sekalian simi ini, hendaklah kamu permulia; dan janganlah seseorang daripada kamu mencabuli dia. Inilah sabda kita kepada kamu sekalian. Wassalam.

Sebahagian besar bahasa Melayu yang digunakan di dalam surat ini serupa dengan bahasa Melayu sekarang. Hanya beberapa perkataan sahaja yang kini sudah mengalami perubahannya. Contoh:

sarwa = segala, sekalian, seluruh
 pertuha = pertua ® ketua
 ta'aluk = takluk
 Inglitir = Inggeris
 kapitan = kapten (nakhoda kapal laut)
 memeli = membeli

suhbat = sahabat, sahabat
 meli berjual = berjual-beli
 simi = surat kebenaran berniaga

Bahasa yang hampir sama juga terlihat di dalam surat kebenaran berniaga daripada Raja Aceh kepada James Lancaster bertarikh 1602 M. Bahasa Melayu semakin meluas penyebarannya apabila orang Melayu bertambah ramai yang menjadi penulis. Para penulis ketika itu menghasilkan karya mereka melalui kesusasteraan yang berasaskan agama Islam. Oleh yang demikian, kesusasteraan sufi berkembang dengan meluas di seluruh Nusantara. Pada masa itu pula, kemahiran membaca tulisan Jawi sudah semakin dikuasai oleh masyarakat Melayu. Dengan demikian penyebaran bahasa Melayu lebih mudah dan lebih teratur perjalanannya.

Hamzah Fansuri

Hamzah Fansuri berasal dari Barus, Sumatera. Ia mengembara ke pelbagai tempat untuk menambah pengetahuannya seperti ke Mekah, Madinah, Baghdad, Pahang (Tanah Melayu), dan Kudus (Pulau Jawa). Ia menguasai bahasa Arab dan Parsi di samping bahasa Melayu yang memang menjadi bahasa ibundanya. Bahasa Melayu yang digunakannya itu sudah memperlihatkan bentuk seperti yang digunakan sekarang.

Tidak diketahui secara pasti tarikh hasil karyanya itu ditulis kerana tidak ada catatan tentangnya. Yang diketahui ialah bahawa Hamzah Fansuri menghasilkan karyanya itu pada masa Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam memerintah Aceh dalam tahun 1606-1636 M. Berdasarkan ini, dapatlah dikatakan bahawa karyanya itu tercipta pada awal abad ke-17. Ia menghasilkan beberapa buah syair dan prosa. Perhatikan bahasa yang terdapat dalam petikan Syair Perahunya ini:

Inilah gerangan suatu madah
 Mengarangkan syair terlalu indah
 Membetuli jalan tempat berpindah
 Di sanalah i'tikad diperbetuli sudah
 Wahai muda kenali dirimu
 lalah perahu tamsil tubuhmu
 Tiadalah berapa lama hidupmu
 Ke akhirat jua kekal diammu
 Hai muda arif budiman
 Hasilkan kemudi dengan pedoman
 Alat perahumu jua kerjakan
 Itulah jalan membetuli insan

Dengan penggunaan bahasa yang indah dan dengan perumpamaan yang sederhana, Syair Perahu ini pada suatu masa menjadi sebutan orang ramai. Ia digunakan oleh ibu bapa untuk menasihati anaknya agar mentaati ajaran Islam.

Kemudian, perhatikan pula bahasa yang digunakan dalam petikan prosanya ini:

Jika seorang bertanya: "Jikalau Zat Allah kepada semesta sekalian lengkap, kepada najis dapatkah dikatakan lengkap?" Maka jawab: "Seperti panas lengkap pada sekalian 'alam, kepada Ka'bah pun lengkap, pada rumah berhala pun lengkap, kepada semesta sekalian pun lengkap; kepada najis tiada la akan najis; kepada busuk tiada la akan busuk; kepada baik tiada la akan baik; kepada jahat tiada la akan jahat; daripada Ka'bah tiada la beroleh kebajikan; daripada rumah berhala tiada la beroleh kejahatan. Sedang panas demikian, istimewa Allah subhanahu wata'ala suci daripada segala suci, di mana la akan najis dan busuk?"

Nama penulis lain yang banyak mengembangkan bahasa Melayu melalui kesusasteraan termasuklah Shamsuddin al-Sumatrani, Syekh Nuruddin al-Raniri, dan Abdul Rauf al-Singkeli. Walau bagaimanapun, kerana latar belakang pendidikan dan objek penulisan mereka sama, maka bahasa yang mereka gunakan juga tidaklah jauh berbeza di antara satu dengan yang lain. Hal ini diperkuat lagi kerana mereka sama-sama tinggal di tempat yang sama, iaitu Aceh.

Surat Raja Aceh Kepada Ratu Elizabeth I

Walaupun penyebaran agama Islam begitu kuat di Aceh, ia tidaklah menutup pintu kemasukan saudagar asing ke alam Melayu ini. Inggeris, yang sejak awal telah mempunyai hubungan yang baik dengan Raja Aceh, terus menjalin persahabatan terutama dalam bidang perniagaan. Ratu Elizabeth I yang ketika itu memerintah Kerajaan Inggeris secara langsung telah meminta surat kebenaran berniaga seperti yang disyaratkan oleh pemerintah Aceh. Perhatikan bahasa yang digunakan oleh Raja Aceh kepada Ratu Elizabeth I, seperti petikan yang berikut ini:

Aku raja yang kuasa yang di bawah angin ini, yang memegang takhta kerajaan negeri Aceh dan Samudera dan segala negeri yang ta'luk ke negeri Aceh. Maka sekalian kamu yang menilik kepada surat ini, hendaklah dengan tilik kebajikan dan tilik yang sejahtera. Dan kamu dengarkan perkataan yang dalamnya, dan kamu fahamkan segala perkataannya. Bahawa aku telah bersabda dengan suka hatiku memeri kamu tahu ini: bahawa aku telah bersahabat dengan Raja Inglitir, dan kamu pun bersahabat dengan Raja Inglitir itu, seperti kamu bersahabat dengan segala manusia yang lain dalam dunia ini; dan berbuat baik kamu akan orang itu, seperti kamu berbuat baik akan orang yang lain itu.

Apabila kita perhatikan bahasa yang digunakan di dalam surat di atas dengan bahasa yang digunakan di dalam surat sebelumnya dan juga surat yang kemudian dikirimkan oleh Raja Aceh kepada Raja James I, nyatalah serupa. Hal ini dapatlah difahami bahawa yang menyalin atau menulis surat tersebut orang yang sama.

Bahasa Melayu terus menyebar ke tempat lain di alam Melayu ini. Ini dapat dibuktikan dengan bahasa yang terdapat di dalam Surat daripada Kapitan Laut Buton kepada Gurnador (Gabenor) General di Batavia (1670 M), Surat daripada Pangeran Ratu Jambi kepada Gurnador General di Batavia (1669 M), dan Surat daripada Raja Bendahara Paduka Seri Maharaja Birni (Brunei) kepada Kapitan Inggeris di Jambi (1752 M). Bahasa yang terdapat di dalam beberapa surat di atas ternyata hampir sama walaupun tempat di antara satu dengan yang lain saling berjauhan.

Bukhary Al-Jauhari

Kerajaan Aceh menjadi tumpuan sasterawan muslim. Hal ini kerana di samping Kerajaan Aceh merupakan satu kerajaan yang kuat, rajanya juga memberi kemudahan dan keistimewaan kepada penulis. Pada tahun 1603 M, Bukhary al-Jauhari telah menyadur sebuah kitab Parsi dan diberinya tajuk *Taj us-Salatin* atau *Mahkota Raja-raja*. Perhatikan bahasa yang terdapat dalam petikan berikut ini:

Segala puji bagi Allah jua Tuhan sarwa sekalian alam bahawa yang tiada ada dalam kerajaannya itu sekutu dan tiada ada yang menghukumkan. (Maka dihukumkan daripada sekalian hukum seperti hukum itu). Ia jua empunya kerajaan dan ia jua yang empunya hukum dan ialah (yang terkeras hukumannya) daripada sekalian hakim seperti kata dalam kitabnya yang qadim akan hambanya.

Sama ada menyadur atau menterjemah sesuatu bahasa ke dalam bahasa Melayu, ia tetap menguntungkan bahasa Melayu. Perkataan yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu dikekalkan. Lama-kelamaan perkataan ini pun terserap ke dalam bahasa Melayu. Perbendaharaan kata bahasa Melayu semakin kaya. Dalam karya ini misalnya, kita menemui perkataan: *kun*, *mahabbah*, *mihrab*, *ashab*, *qari*, dan banyak lagi perkataan yang lain.

Zaman Persuratan Melayu Moden

Pada peringkat awal perkembangan bahasa Melayu moden, iaitu pada awal abad ke-19, tulisan Jawi masih mendominasi perkembangan bahasa Melayu. Tulisan Jawi masih digunakan oleh sasterawan dalam penghasilan cerpen dan novel. Dalam perkembangan sejarah bahasa Melayu klasik, tulisan Jawi memainkan peranan utama. Semua surat-surat urusan perdagangan dan pentadbiran menggunakan tulisan Jawi. Aksara Jawi yang dipinjam daripada bahasa Arab yang telah ditambah dengan beberapa huruf tambahan. Namun hari ini keadaan menjadi sebaliknya, iaitu tulisan Rumi menjadi lebih penting. Tulisan Jawi agak terpinggir. Dalam hal-hal keagamaan tulisan jawi masih mendapat tempat. Usaha memartabatkan semula tulisan jawi tetap dilakukan.

Perkembangan ilmu moden secara tidak langsung menuntut bahasa Melayu meminjam bahasa asing untuk mengungkapkan ilmu baharu. Bahasa Melayu moden turut memperkatakan pelbagai bidang ilmu seperti ekonomi, politik, sosial, budaya, pendidikan, sains, teknologi maklumat dan sebagainya. Istilah-istilah baru dicipta atau menerima istilah dari bahasa asing untuk memenuhi

keperluan bidang ilmu baru. Keadaan ini secara tidak langsung turut memperkayakan lagi kosa kata bahasa Melayu. Sebaliknya bahasa Melayu klasik banyak menggunakan kosa kata klasik seperti *sahaya*, *masyghul* (bersedih) dan sebagainya. Bahasa Melayu klasik juga menerima pelbagai jenis kosa kata Arab dan Parsi dalam pelbagai bidang bahasa seperti alam bidang ilmu keagamaan, undang-undang, kesusasteraan, pemerintahan dan pentadbiran, perubatan, falsafah, tasawuf dan kata-kata umum. Bahasa Melayu moden tidak menggunakan perkataan yang muluk-muluk dan penanda wacana klasik seperti “hatta”, “maka”, “arakan”, “alkisah”, “kalakian” dan lain-lain. Penanda wacana bahasa Melayu moden seperti “oleh itu”, “di samping itu”, “sebaliknya” dan lain-lain menggantikan penanda wacana bahasa Melayu klasik.

Bahasa Melayu Moden

Sampai di pinggir hutan, perlahan-lahan Pak Hassan menarik setengah dari daun kelapa kering yang terkepit di kirinya. Genggaman tangan kirinya yang sudah sedia memegang jala, kini turut menggengam daun kelapa itu. Setelah itu Pak Hassan nyalakan daun kelapa itu dengan mancis api.

(Anwar Ridhwan, 1986:151)

Bahasa Melayu Klasik

Maka raja jin pun bermohonlah, lalu ghaib daripada mata baginda. Maka diambilnya mahkota tiga buah dari dalam perbendaharaan Raja Sulaiman alaihi's-salam, dibawanya kepada Raja Suran, maka diambil baginda dengan sukachitanya.

(Sejarah Melayu, 1975:17)

Perkembangan ilmu dalam pelbagai bidang baharu telah mewujudkan pelbagai ragam dan gaya bahasa. Misalnya doktor akan memperkatakan perkara-perkara berkaitan dengan bidang perubatan, ahli ekonomi akan memperkatakan hal-hal berkaitan dengan ekonomi dan perniagaan, hakim dan peguam akan memperkatakan hal-hal berkaitan dengan perundangan dan begitulah seterusnya. Perbezaan pelbagai gaya dan ragam ini menghasilkan laras bahasa tertentu. Kalau kita membaca sesuatu petikan atau rencana, kita akan dapat mengesan istilah-istilah dan kosa kata tertentu yang mewakili bidang yang diperkatakan.

Kalau kita bertemu dengan perkataan seperti *bursa saham*, *pasaran turun naik*, *indeks komposit*, *pasaran lesu*, *matawang asing* dan sebagainya, maka jelas perkara yang dibincangkan itu ialah bidang ekonomi atau perniagaan. Begitu juga jika kita bertemu dengan perkataan seperti *menu*, *minyak masak*, *diadun*, *dikukus*, *kek lapis* dan sebagainya, maka jelas bidang sosial atau khasnya bidang masakan atau pemakanan yang dibincangkan. Begitu juga dengan bidang-bidang lain dan ini berbeza dengan bahasa Melayu klasik yang mempunyai gaya pengucapan hampir seragam atau sama. Bahasa yang digunakan juga banyak menggunakan bahasa istana.



Bincangkan ciri-ciri bahasa Melayu moden dan ciri-ciri bahasa Melayu klasik.

Di samping itu, salah satu aspek yang penting dalam pemodenan bahasa dan perancangan bahasa ialah pemupukan yang bermaksud menumpukan perhatian kepada usaha-usaha untuk mengembangkan bahasa supaya tercapai keadaan saling menterjemah dengan beberapa bahasa yang lain. Usaha ini perlu dilakukan kerana perkembangan ilmu pengetahuan yang pesat di Malaysia selepas merdeka. Istilah-istilah baru khususnya istilah-istilah yang berkaitan dengan bidang teknikal dihasilkan. Hasil usaha ini wujud pelbagai laras bahasa yang mampu memperkatakan pelbagai bidang ilmu dalam disiplin yang berbeza.

Laras bahasa bermaksud gaya atau cara penggunaan sesuatu bahasa. Sesuatu laras biasanya berubah-ubah mengikut konteks dan situasi. Bahasa Melayu moden hari ini bergitu berbeza dengan bahasa Melayu klasik kerana perubahan bentuk dan pelbagai ilmu baru yang diperkatakan. Oleh itu lahirlah pelbagai laras, misalnya laras akademik, laras undang-undang, laras agama, laras sukan, laras ekonomi dan sebagainya.

Seterusnya, bagi memajukan dan memodenkan bahasa Melayu pelbagai usaha dan perancangan dijalankan. Menurut *Tatabahasa Dewan edisi baharu* (Nik Safiah Karim et al, 2003:20), perancangan bahasa ialah usaha-usaha yang dijalankan untuk memupuk bahasa ke taraf yang lebih maju. Umumnya, usaha-usaha ini dijalankan oleh badan-badan tertentu yang ditubuhkan khas untuk mencapai matlamat ini. Di Malaysia, badan perancang bahasa ialah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang ditubuhkan pada tahun 1956.

Dalam usaha memodenkan sistem ejaan Rumi terdapat beberapa usaha dilakukan untuk memperbaiki dan menyelaraskan sistem ejaan dalam bahasa Melayu. Sejarah perkembangan sistem ejaan Rumi bermula dari Sistem Ejaan Rumi Wilkinson, Sistem Ejaan Rumi Za'ba, Sistem Ejaan Rumi Fajar Asia, Sistem Ejaan Rumi Kongres, Sistem Ejaan Rumi Bahasa Melayu Universiti Malaya dan akhirnya Sistem Ejaan Rumi Baharu (1972) yang digunakan sehingga hari ini.

Aspek pemodenan seterusnya ialah dalam bidang perkamusan. Aspek pengekodan ini juga dianggap penting kerana sesuatu bahasa yang sedang berkembang akan bertambah perbendaharaan katanya. Maka, pertambahan kata ini perlu disusun dan dirakamkan untuk rujukan umum. Perkara-perkara yang direkodkan meliputi kata entri, maklumat tatabahasa, makna, contoh penggunaan kata, sebutan dan etimologi kata. Satu Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM). Pembentukan istilah yang standard penting dilakukan sesuai dengan perkembangan ilmu. Usaha pemodenan dan pembentukan istilah dalam pelbagai bidang ilmu moden bermula apabila *Pedoman Umum Pembentukan Bahasa Melayu* (PUPIBM) dirumuskan oleh MBIM.

Penyeragaman tatabahasa juga dilakukan untuk menjadikan bahasa Melayu terus berkembang. Usaha ini penting bagi membolehkan pengguna bahasa menggunakan tatabahasa yang betul dan seragam sama ada dalam bentuk tulisan mahupun lisan. Perancangan pemodenan tatabahasa mencakupi dua bidang penting, iaitu morfologi dan sintaksis. Bidang morfologi melibatkan pembentukan kata dan frasa manakala bidang sintaksis merupakan cara-cara untuk membina ayat.

Proses perancangan bahasa amat penting kepada sesebuah bahasa kerana bahasa sentiasa melalui pembaharuan. Tanpa perancangan yang strategik dan sistematik akan membuatkan sesebuah bahasa menjadi lemah dan akhirnya mati begitu sahaja. Proses perancangan bahasa yang melibatkan pelbagai aspek ini dilihat mampu mempertahankan sesebuah bahasa daripada menjadi pupus. Oleh itu, Malaysia melalui DBP dengan kerjasama MABBIM berusaha untuk terus merancang, menyebarkan, memartabat dan memodenkan bahasa Melayu sesuai dengan tuntutan semasa.



Bincangkan kepentingan penggunaan laras bahasa dalam masyarakat di Malaysia.

RUMUSAN

- Bahasa Melayu merupakan bahasa yang mudah menerima dan menyesuaikan sifat dan bentuknya dalam pelbagai aspek.
- Tulisan atau aksara Rencong dicipta oleh orang Melayu berdasarkan benda yang terdapat di alam sekitar mereka seperti ranting kayu, akar, rotan dan sungai.
- Sifat bahasa Melayu yang sederhana dan mudah menerima bahasa Sanskrit telah menyaingi bahasa Jawa yang pada peringkat awalnya menguasai sebahagian besar kepulauan Melayu.
- Penemuan Batu bersurat catatan terakhir perkembangan bahasa Melayu di atas batu kerana selepas abad ke-14, muncul zaman kesusasteraan Melayu yang telah memperkenalkan sistem tulisan dan alat percetakan terutamanya pada abad ke-19.
- Pada peringkat awal perkembangan bahasa Melayu moden, iaitu pada awal abad ke-19, tulisan Jawi masih mendominasi perkembangan bahasa Melayu.
- Pada lewat abad ke-19 dan abad ke-20 hingga kini tulisan Rumi mengambil alih peranan tulisan Jawi.
- Ciri-ciri bahasa Melayu moden merupakan kebalikan daripada ciri-ciri yang terdapat dalam bahasa Melayu klasik merangkumi aspek kosa kata, tulisan, ayat dan gaya bahasa.
- Pelbagai bidang ilmu menghasilkan pelbagai laras bahasa dalam bahasa Melayu seperti laras undang-undang, laras ekonomi, laras teknologi maklumat, laras sains dan sebagainya.
- Untuk memodenkan bahasa proses perancangan dan pemupukan bahasa dilakukan.

KATA KUNCI

hikayat	perkamusian	laras bahasa	aksara
peristilahan	persuratan	peminjaman	MABBIM
hikayat	mitos	dongeng	legenda

PENILAIAN KENDIRI

1. Bandingkan penggunaan bahasa yang terdapat dalam Hikayat Nur Muhammad dan Hikayat Amir Hamzah.
2. Jelaskan maksud mitos dan legenda.
3. Bandingkan gaya bahasa yang terdapat di dalam cerita-cerita hikayat dengan novel-novel yang pernah anda baca.

RUJUKAN

- Awang Sariyan (1996). *Unsur asing dalam bahasa Melayu*. KL:DBP
- Beg, M. A. J (1981). *Indo- Sanskrit loan words in Malay*. Kuala Lumpur: Champion Printers Sdn. Bhd.
- Ismail Hussein (1966). *Sejarah pertumbuhan bahasa kebangsaan kita*. KL:DBP
- Kong Yuan Zhi (1993, Ogos). Kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu. dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, 676-702.
- Mohd Taib Osman (1964). *Bahasa rencana pengarang akhbar-akhbar Melayu hingga ke tahun 1941*. KL:DBP
- Nik Safiah Karim et.al, (2004). *Tatabahasa Dewan: edisi semakan*. KL:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Mohd Isa , 'Kajian Teks Melayu Klasik Terpilih' JMK312, PJJ PPLK USM 1994
- Hikayat Raja-Raja Pasai, Kuala Lumpur, Fajar Bakti, 1987
- Raffles Malay No.67, Royal Asiatic Society, London
- A. Samad Ahmad. *Sejarah kesusasteraan Melayu*. Jil. 2, 1965, m.s. 2.
Hikayat Nur Muhammad dan nabi bercukur dan nabi wafat adanya, 1900?-1979?,m.s. 2.
- A. Samad Ahmad. *Hikayat Amir Hamzah*, 1987, m.s. 1
- A. Samad Ahmad. *Sejarah kesusasteraan Melayu*. Jil. 1, 1966, m.s. 76.
- Annas Haji Ahmad. *Sastera Melayu lama dan baru*, 1982, m.s. 180.
- Harun Aminurrashid. *Kajian sejarah perkembangan bahasa Melayu*, 1966, m.s. 26-28.
- Ismail Hussein. *Sejarah pertumbuhan bahasa kebangsaan kita*, 1984, m.s. 40.
- A. Samad Ahmad. *Sejarah kesusasteraan Melayu*. Jil. 3, 1965, m.s. 25-26.
- Winstedt, R.O. *Hikayat Bayan Budiman*, 1985, m.s. 11.